



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MAJLIS MENANDATANGANI SEMULA MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA KERAJAAN MALAYSIA DAN THE HEALTH SCIENCES AUTHORITY (HSA) OF SINGAPORE BAGI KERJASAMA DALAM BIDANG REGULATORI FARMASEUTIKAL

6 MEI 2024

Majlis Menandatangani Semula Memorandum Persefahaman antara Kerajaan Malaysia yang diwakili oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan *the Health Sciences Authority (HSA) of Singapore* bagi kerjasama dalam bidang regulatori farmaseutikal telah berlangsung pada 6 Mei 2024 di HSA, Singapura.

Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBrs. Puan Norhaliza A. Halim selaku Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi dan YBrs. Dr. Choong May Ling Mimi selaku Ketua Pengarah Eksekutif HSA. Pemeteraan kerjasama ini merupakan kesinambungan kerjasama antara Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) bersama pihak HSA selaku badan regulatori produk farmaseutikal negara masing-masing.

Memorandum Persefahaman ini pada asalnya telah ditandatangani pada 28 Mac 2012 telah berkuatkuasa selama lima (5) tahun dan secara

automatik dilanjutkan selama lima (5) tahun lagi, sebelum tamat secara rasminya pada 28 Mac 2022. Pemeteraian semula memorandum ini dapat memudahkan proses pertukaran maklumat regulatori farmaseutikal antara kedua-dua agensi bagi memperkasakan Amalan Regulatori Baik (Good Regulatory Practice) dan seterusnya meningkatkan kecekapan kedua-dua agensi.

Antara bidang kerjasama yang telah dikenalpasti dan akan diteruskan adalah kawalan regulatori produk farmaseutikal (termasuk isu-isu pendaftaran, pasca pendaftaran dan penguatkuasaan) serta aktiviti kajian klinikal. Pemeteraian kerjasama antara KKM dan HSA dilihat akan menjadi pemangkin kepada peningkatan kecekapan kawalan regulatori produk farmaseutikal di Malaysia.

Kementerian Kesihatan Malaysia melalui NPRA sentiasa komited dalam mempertingkatkan kualiti, keselamatan dan efikasi produk-produk farmaseutikal di Malaysia, demi menjamin kesejahteraan rakyat.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

6 MEI 2024